

D962

R B148 AAB

MAHATHIR-PEKERJA

DARIPADA AHMAD REJAL ARBEE

NEW YORK, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN KERAJAAN MENIMBANG PENGURANGAN KAKITANGANNYA SEBAGAI SUATU LANGKAH UNTUK MENJIMATKAN PERBELANJAAN BAGI MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG.

INILAH PERTAMA KALI BELIAU MENYATAKAN KEMUNGKINAN INI WALAU PUN SEBELUM INI DUA ORANG MENTERI PERNAH MEMBAYANGKANNYA.

SEMASA BERUCAP DALAM SATU PERJUMPAAN DIALOG DENGAN LEBIH 200 ORANG PELAJAR MALAYSIA DI SINI PAGI AHAD, BELIAU BERKATA WALAU PUN KERAJAAN BELUM MEMBERI PERTIMBANGAN SECARA SERIUS TERHADAP KEMUNGKINAN MENGURONGKAN KAKITANGAN YANG TIDAK PERLU TETAPI IA HARUS SUDAH MULA MEMIKIRKANNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN KINI MEMPUNYAI SEKITAR 860,000 ORANG KAKITANGAN DAN INI MERUPAKAN SATU JUMLAH YANG BESAR SERTA BEBANAN YANG AGAK BESAR JUGA TERHADAP PERBELANJAAN NEGARA.

IA TIDAK LAGI MAMPU MENGAMBIL KAKITANGAN BARU BAIK DARI KALANGAN LEPASAN SEKOLAH MAHUPUN LEPASAN UNIVERSITI ATAU MENIMBANG KENAIKAN GAJI KAKITANGAN AWAM.

BELIAU MENASIHATI MEREKA SUPAYA TIDAK TERLALU BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN UNTUK MENDAPATKAN KERJA TETAPI HARUSLAH PANDAI Mencari KERJA SENDIRI. -- LAGI

0956MST 29 09 86

D999

U B168 AAB

MAHATHIR-PEKERJA 2 NEW YORK

KERAJAAN, KATANYA, BERHASRAT UNTUK MENSWASTAKAN BEBERAPA PERKHIDMATAN DENGAN HARAPAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ITU AKAN MENDATANGKAN KEUNTUNGAN SUPAYA DENGAN ITU PELUANG-PELUANG PEKERJAAN BARU DAPAT DIADAKAN.

INI SATU REALITI YANG PERLU DITERIMA OLEH RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA KINI MENGHADAPI MASALAH EKONOMI YANG AMAT TERUK DENGAN PENDAPATANNYA TELAH BERKURANGAN SEBANYAK DUA PERTIGA DARIPADA PENDAPATAN DAHULU.

SEBAGAI MISALAN BELIAU MENERANGKAN MINYAK KELAPA SAWIT YANG PADA SUATU KETIKA DAHULU DIJUAL DENGAN HARGA M\$1,400 SATU TONNE KINI HANYA M\$500 SATU TONNE DAN MINYAK YANG DAHULU DAPAT DIJUAL DENGAN HARGA US\$28 HINGGA US\$30 SETONG KINI HANYA US\$10 SAHAJA SETONG.

DEMIKIAN JUGA HALNYA DENGAN HARGA BEBERAPA BARANGAN YANG DIKELUARKAN OLEH MALAYSIA SUMUANYA TELAH JATUH. -- LAGI.

1122MST 29 09 86

BELIAU BERKATA MASALAH KEJATUHAN HARGA BARANGAN INI BUKAN SAHAJA DIALAMI OLEH MALAYSIA TETAPI JUGA OLEH NEGARA-NEGARA PENGELUAR LAINNYA TERMASUK JUGA NEGARA MAJU SEPerti AUSTRALIA.

PELABURAN-PELABURAN BARU JUGA TIDAK TERDAPAT LAGI KHUSUSNYA DARI PELABUR ASING, MANAKALA PELABUR TEMPATAN PULA TIDAK MEMPUNYAI IDEA BARU.

PELABUR-PELABUR TEMPATAN TERLALU BANYAK MENUMPUKAN TERHADAP JUAL BELI SAHAM (KERTAS) YANG TIDAK MEMBAWA KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI.

TANPA PERTUMBUHAN EKONOMI KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAKSANAKAN DASAR EKONOMI BARU.

KERAJAAN DALAM USAHANYA UNTUK MENGGALAKKAN PELABURAN BERCADANG MELONGGARKAN BEBERAPA SYARAT PELABURAN DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU.

INI TERMASUK MELONGGARKAN SYARAT EQUITI PELABUR. PELABUR ASING TIDAK AKAN DIKENAKAN SYARAT MENGHADKAN EKUITI MEREKA HANYA 30 PERATUS SELAMA LIMA TAHUN SEKIRANYA MELABUR DALAM INDUSTRI BARU ATAU MELABUR DALAM INDUSTRI BUATAN UNTUK DIEKSPORT.

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA DASAR EKONOMI BARU BUKANLAH TERTUMPU KEPADA PEMBAHAGIAN SAHAM SAHAJA, WALAU PUN RAMAI ORANG MEMIKIRKAN DEMIKIAN.

-- LAGI.

1124MST 29 09 86

MAHATHIR-PEKERJA 4 NEW YORK

PENGIRIMAN PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTERA KE LUAR NEGERI JUGA MERUPAKAN SATU USAHA UNTUK MENCAPAI DASAR ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENERANGKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK MENGANGGAP DASAR ITU TERHAPUS PADA TAHUN 1990 SELAGI MATLAMAT PEMBAGIAN EKUITI MENGIKUT FORMULA 30-40-30 TIDAK TERCAPAI DAN KEMISKINAN TIDAK DIBASMIKAN.

BELIAU JUGA MENERANGKAN BAHAWA KINI TERDAPAT SEKITAR 70,000 PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI TERMASUK DI AMERIKA SYARIKAT, BRITAIN, AUSTRALIA, NEW ZEALAND DAN LAIN-LAIN.

KERAJAAN PURATA MEMBELANJAKAN M\$20,000 SETAHUN UNTUK SEORANG PELAJARNYA.

WALAU PUN INI MERUPAKAN SUATU BEBANAN BESAR KERAJAAN MENGANGGAPKANNYA SEBAGAI SUATU PELABURAN MASA HADAPAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENJAWAB BEBERAPA PERTANYAAN BERHUBUNG DENGAN PILIHANRAYA BARU-BARU INI YANG MCA TELAH MENGALAMI KEKALAHAN TERUK, KERJASAMA DENGAN DAP, PENGLIBATAN KERAJAAN DALAM PASARAN TIMAH LONDON METAL EXCHANGE, KEDUDUKAN UMNO DAN PENGSWASTAAN TELEKOM. -- LAGI
1009MST 29 09 86

R B154 AAB

MAHATHIR-PEKERJA 5 NEW YORK

MENGENAI UMNO BELIAU TIDAK FIKIR APA-APA MASALAH AKAN TIMBUL DALAM PEMILIHAN PIMPINAN UMNO PADA TAHUN HADAPAN.

BELIAU BERKATA PERPECAHAN TIDAK AKAN TIMBUL DALAM UMNO KERANA UMNO BUKANLAH UNTUK MANA-MANA SATU ORANG TERTENTU TETAPI IALAH UNTUK ANGGGOTA-ANGGOTANYA.

SESIAPA SAHAJA YANG DIPILIH AKAN DITERIMA KERANA UMNO PATUH KEPADA PEMILIHAN.

PEMIMPIN YANG DIPILIH ITU BUKAN HANYA BERKHIDMAT KEPADA ORANG YANG MEMILIH TETAPI KEPADA SEMUA.

+DENGAN ADANYA KEADAAN INI SAYA TIDAK NAMPAK APA-APA MASALAH AKAN TIMBUL PADA TAHUN 1987 NANTI,+ KATANYA.

MENGENAI PENGSWASTAAN TELEKOM, BELIAU YAKIN IA AKAN DAPAT DILAKSANAKAN PADA TAHUN HADAPAN. HINGGA KINI SERAMAI 8,000 KAKITANGAN TELEKOM TELAH PUN MENANDATANGANI KERTAS OPKSYEN MEREKA.

MASALAH YANG DIHADAPI SEKARANG IALAH KERANA TERDAPAT PEKERJA YANG BERKEHENDAKAN KEBAIKAN DARIPADA KEDUA-DUA SKIM PERKHIDMATAN AWAM DAN SKIM SWASTA.

PELAJAR-PELAJAR ITU KEMUDIAN DIRAIKAN DALAM JAMUAN MAKAN. --
BERNAMA

1011MST 29 09 86